

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1991/1992

Mac/April 1992

JHH 233 - Tinjauan Sejarah Jepun

Masa: [3 jam]

---

**ARAHAN**

1. Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
2. Jawab TIGA soalan. Jika calon menjawab lebih daripada tiga soalan, hanya tiga soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

...2/-



1. Bincangkan ciri-ciri khusus Zaman Makam berbanding dengan Zaman Yayoi dari sudut ketamadunannya.  
(100 markah)
2. Bahaskan persamaan dan perbezaan pendapat E.O. Reischauer dan J.W. Hall tentang sistem "shoen".  
(100 markah)
3. "Merosotnya kuasa kesyogunan membawa kepada wujudnya fuedalisme tulen di Jepun". Bersetujukah anda?  
(100 markah)
4. Nilaikan peranan Oda Nobunaga, Hideyoshi dan Ieyasu Tokugawa dalam usaha menyatukan Jepun.  
(100 markah)
5. Sejauh manakah sistem Bakufu Tokugawa berperanan mengukuhkan kesyogunan tersebut?  
(100 markah)
6. Jelaskan kuasa dan pengaruh setiap golongan elit dalam kerajaan Jepun antara tahun 1890 hingga 1945.  
(100 markah)
7. Menjelang pertengahan tahun 1950-an Jepun telah mencapai tahap perkembangan ekonomi yang pesat. Huraikan faktor-faktor pertumbuhan ekonomi dan kesannya ke atas masyarakat Jepun.  
(100 markah)

oooOooo



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1991/1992

Mac/April 1992

JHH 242 - Sejarah Diplomatik Eropah 1815 - 1945

Masa: [3 jam]

---

**ARAHAN**

1. Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
2. Jawab mana-mana EMPAT (4) soalan. Jika calon menjawab lebih daripada empat soalan, hanya empat soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

...2/-



1. Nilaikan secara kritis penyelesaian Vienna, 1815.  
(100 markah)
2. Sejauh manakah ideologi memainkan peranan dalam hubungan antarabangsa di Eropah pada awal abad ke-19? Bincangkan.  
(100 markah)
3. Merujuk kepada dasar luar Jerman atau Itali pada pertengahan abad ke-19, bincangkan apa yang anda faham tentang "realpolitik" (politik realisme).  
(100 markah)
4. Bincangkan pembentukan dan syarat-syarat Perikatan Bertiga atau Entente Bertiga.  
(100 markah)
5. Artikel 231 Perjanjian Versailles telah menuduh bahawa Jerman yang bertanggungjawab mencetuskan Perang Dunia Pertama. Sejauh manakah anda bersetuju dengan kesimpulan itu?  
(100 markah)
6. Jelaskan apakah konsep "Keselamatan Bersama" dan seterusnya bincangkan mengapa ia telah gagal menjelang pertengahan dekad 1930an.  
(100 markah)
7. Sejauh manakah asal-usul Perang Dunia Kedua di Eropah boleh digalurkan kepada Perjanjian Versailles, 1919?  
(100 markah)

oooOooo